

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SEU413 - Ekonomi Kewangan

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Soalan 1 adalah wajib dan jawab mana-mana TIGA (3) soalan lain.

1. Tulis nota ringkas mengenai mana-mana dua perkara berikut:
  - (a) Taakulan Kehomogenan (Homogeneity Postulate)
  - (b) Wang dalam dan wang luar (Inside money and outside money)
  - (c) Wang berkuasa tinggi
  - (d) Perangkap kecairan (25 markah)
  
2. (a) Huraikan kepentingan mengadakan gabungan dasar fiskal dan dasar kewangan bagi pencapaian matlamat-matlamat ekonomi. (12 1/2 markah)
  
- (b) Gunakan model Mundell untuk menjelaskan bagaimana gabungan dasar fiskal dan dasar kewangan yang bersesuaian dapat dilaksanakan. (12 1/2 markah)

...2/-

3. (a) Jelaskan sifat wang yang neutral dalam konteks teori klasik.  
(20 markah)
- (b) Baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah menjual bon simpanan sebanyak Ringgit (\$) 1 bilion kepada orang ramai. Pada pendapat anda, adakah tindakan ini akan menghasilkan kesan yang neutral dalam ekonomi Malaysia?  
(5 markah)
4. (a) Jelaskan perbezaan-perbezaan utama di antara monetarisme dan fiskalisme.  
(20 markah)
- (b) Adakah terdapat sebarang persamaan dalam hujah-hujah utama kedua-dua pihak ini?  
(5 markah)
5. (a) Jelaskan perbandingan di antara peranan wang dalam sistem Klasik dan sistem Keynes.  
(20 markah)
- (b) Mengikut pendapat anda, pandangan yang manakah lebih sesuai dengan kes Malaysia?  
(5 markah)
6. (a) Dengan menggunakan model Pesek dan Saving, jelaskan perbezaan-perbezaan utama di antara wang dan aset-aset wang hampir (near money assets).  
(20 markah)
- (b) Sebutkan dua kritikan terhadap model ini.  
(5 markah)